

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan anggaran jumlah unit rumah yang diperlukan bagi kategori Projek Perumahan Rakyat, rumah kos rendah serta rumah kos sederhana mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berusaha untuk menyediakan rumah-rumah mampu milik termasuk rumah kos rendah dan kos sederhana kepada rakyat. Sebanyak 227,154 unit rumah telah dirancang pembinaannya di bawah KPKT seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>PROGRAM KPKT</b>	<b>UNIT RUMAH</b>
1.	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	65,000
2.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	70,154
3.	Program Perumahan Rakyat (PPR) / Rumah Malaysia	37,000
4.	Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)	45,000
5.	Transit Belia	10,000
	<b>JUMLAH</b>	<b>227,154</b>

**NO SOALAN : 28**

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, anggaran keperluan perumahan mampu milik mengikut negeri yang telah dikenal pasti oleh KPKT dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan pemaju swasta sehingga kini adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Unit Rumah</b>
1.	Perlis	2,980
2.	Kedah	7,164
3.	Pulau Pinang	37,679
4.	Perak	32,440
5.	Selangor	98,815
6.	Negeri Sembilan	9,661
7.	Melaka	6,556
8.	Johor	33,306
9.	Kelantan	11,795
10.	Terengganu	7,964
11.	Pahang	38,328
12.	Sarawak	6,714
13.	Sabah	8,469
14.	W.P Kuala Lumpur	37,322
15.	W.P Putrajaya	3,408
16.	W.P Labuan	3,231
	<b>Jumlah</b>	<b>345,832</b>

Sekian, terima kasih.